

## SEKURITI BURSA MALAYSIA BERHAD

## NOTA AMALAN 17

## KRITERIA DAN OBLIGASI PENERBIT PN17

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Januari 2005
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 22 September 2011, 25 Mac 2013, 27 Januari 2015, 3 Mei 2016, 31 Disember 2016, 2 Januari 2018, 3 Jun 2019, 13 Ogos 2020
	Perenggan 8.03A, 8.04, 16.02 dan 16.11

**1.0 Pengenalan**

1.1 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai, antara lain, yang berikut:

- (a) kriteria berhubung dengan keadaan kewangan penerbit tersenarai, yang sekiranya dicetus akan membangkitkan obligasi bagi penerbit tersenarai untuk mematuhi peruntukan Nota Amalan ini; dan
- (b) kehendak yang mesti dipatuhi oleh Penerbit PN17, termasuk Amanah Perniagaan PN17.

**2.0 Kriteria**

2.1 Menurut perenggan 8.04(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, jika penerbit tersenarai mencetus salah satu atau lebih daripada Kriteria Ditetapkan yang berikut, ia mesti mematuhi peruntukan perenggan 8.04 dan Nota Amalan ini:

- (a) ekuiti pemegang-pemegang syer penerbit tersenarai berdasarkan penyatuan ialah 25% atau kurang daripada modal syer (tidak termasuk syer perbendaharaan) penerbit tersenarai dan ekuiti pemegang-pemegang syer itu adalah kurang daripada RM40 juta;
- (b) penerima atau pengurus, atau pengurus kehakiman telah dilantik ke atas aset penerbit tersenarai, subsidiari atau syarikat bersekutunya yang aset itu menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai berdasarkan penyatuan;

- (c) penggulungan subsidiari atau syarikat bersekutu penerbit tersenarai yang menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan oleh penerbit tersenarai berdasarkan penyatuan;
  - (d) juruaudit telah menyatakan pendapat buruk atau penafian dalam penyata kewangan teraudit terkini penerbit tersenarai;
  - (e) juruaudit telah menekankan ketidakpastian material berhubung dengan keprihatinan berterusan atau menyatakan syarat ke atas kemampuan penerbit tersenarai untuk meneruskan sebagai keprihatinan berterusan dalam penyata kewangan teraudit terkini penerbit tersenarai dan ekuiti pemegang-pemegang syer penerbit tersenarai berdasarkan penyatuan ialah 50% atau kurang daripada modal syer (tidak termasuk syer perbendaharaan) penerbit tersenarai; atau
  - (f) kegagalan pembayaran oleh penerbit tersenarai, subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utamanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diumumkan oleh penerbit tersenarai menurut perenggan 9.19A Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan penerbit tersenarai tidak dapat mengemukakan pengisytiharan kesolvenan kepada Bursa.
  - (g) [dipotong]
  - (h) [dipotong]
- 2.1A Berhubung dengan penerbit tersenarai yang merupakan amanah perniagaan, jika amanah perniagaan mencetus salah satu atau lebih Kriteria Ditetapkan yang berikut ("**Amanah Perniagaan PN17**") dan bukannya Kriteria Ditetapkan dalam perenggan 2.1 di atas, ia mesti mematuhi peruntukan perenggan 8.04 dan Nota Amalan ini:
- (a) dana pemegang unit (tidak termasuk kepentingan tidak mengawal) berdasarkan penyatuan adalah negatif;
  - (b) penerima atau pengurus telah dilantik ke atas aset amanah perniagaan, yang aset itu menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan amanah perniagaan itu berdasarkan penyatuan;
  - (c) penggulungan subsidiari atau syarikat bersekutu amanah perniagaan yang menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan amanah perniagaan berdasarkan penyatuan;
  - (d) juruaudit telah menyatakan pendapat buruk atau penafian dalam penyata kewangan teraudit terkini amanah perniagaan;
  - (e) kegagalan pembayaran pinjaman atau kemudahan kredit amanah perniagaan atau subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utamanya, sebagaimana yang diumumkan oleh pengurus pemegang amanah menurut perenggan 9.19A Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan pengurus pemegang amanah tidak dapat mengemukakan pengisytiharan kesolvenan kepada Bursa.
  - (f) [dipotong]
  - (g) [dipotong]

- 2.2 Bagi maksud Nota Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-
- (a) “**ekuiti pemegang syer**” merujuk kepada ekuiti yang boleh dikaitkan dengan pemegang ekuiti penerbit tersenarai;
  - (b) “**jumlah aset yang digunakan**” mestilah berdasarkan penyata kewangan teraudit terkini atau tidak teraudit terkini penerbit tersenarai;
  - (c) [dipotong]
  - (d) [dipotong]
  - (e) “**keuntungan bersih**” ertinya keuntungan bersih selepas kepentingan tidak mengawal dan tidak termasuk butiran sekali beri, seperti yang berikut:
    - (i) pengetepian faedah;
    - (ii) muhibah negatif yang dikreditkan kepada penyata untung dan rugi dan pendapatan komprehensif lain;
    - (iii) keuntungan/kerugian yang timbul daripada penjualan pelaburan dalam syarikat bersekutu / subsidiari atau tanah dan bangunan; dan
    - (iv) kos penyusunan semula;
  - (f) “**dana pemegang unit**” merujuk kepada dana yang boleh dikaitkan dengan pemegang unit amanah perniagaan.
- 2.3 [Dipotong]
- 3.0 [Dipotong]
- 4.0 **Obligasi penzahiran Penerbit PN17**
- 4.1 Menurut perenggan 8.04(3)(b) Kehendak-Kehendak Penyenaaraian, Penerbit PN17 mesti mengumumkan kepada Bursa -
- (a) dengan serta-merta (“**Pengumuman Pertama**”) apabila Penerbit PN17 mencetuskan satu atau lebih Kriteria Ditetapkan -
    - (i) bahawa penerbit tersenarai ialah Penerbit PN17 menurut Nota Amalan ini;
    - (ii) obligasi penerbit tersenarai menurut Nota Amalan ini;
    - (iii) akibat ketidakpatuhan obligasi itu; dan
    - (iv) status pelan regularisasi penerbit tersenarai atau status usahanya untuk membuat pelan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tidak ada pelan atau apa-apa usaha untuk membuat pelan itu yang telah dilakukan, pernyataan negatif yang sesuai yang bermaksud sedemikian;
  - (b) dalam masa 3 bulan daripada Pengumuman Pertama, tentang sama ada pelan regularisasi akan menghasilkan perubahan yang signifikan pada haluan perniagaan atau dasar Penerbit PN17;

- (c) status pelan regularisasinya dan bilangan bulan hingga akhir rangka masa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 5.1, 5.2 atau 5.3 di bawah, jika berkenaan, setiap bulan ("**Pengumuman Bulanan**") sehingga pemberitahuan lanjut daripada Bursa;
- (d) kepatuhannya atau ketidakpatuhannya kepada obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini, atas asas serta-merta;
- (e) perincian pelan regularisasi yang pengumumannya mesti memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 4.2 di bawah ("**Keperluan Pengumuman**"); dan
- (f) jika Penerbit PN17 gagal untuk menjadikan keadaannya teratur, tarikh penggantungan dan pembatalan penyenaian sekuriti tersenarainya, dengan serta-merta apabila pemberitahuan penggantungan dan pembatalan penyenaian oleh Bursa.

#### 4.2 Pengumuman Keperluan mesti -

- (a) mengandungi perincian pelan regularisasi dan maklumat yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa Penerbit PN17 boleh mematuhi semua kehendak yang dinyatakan di bawah perenggan 5.4 di bawah selepas pelaksanaan pelan regularisasi;
- (b) memasukkan garis masa untuk pelaksanaan penuh pelan regularisasi; dan
- (c) diumumkan oleh Penasihat Utama Penerbit PN17.

#### 4.3 Sebelum Penerbit PN17 membuat Pengumuman Keperluan, ia mesti memastikan bahawa -

- (a) semua perjanjian yang akan dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada pelan regularisasi, telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu; dan
- (b) jika pelan regularisasi melibatkan kompromi atau perkiraan dengan pemiutang Penerbit PN17, Penerbit PN17 telah mengambil langkah yang munasabah untuk memperoleh persetujuan secara prinsip pemiutang itu.

#### 4.4 Pengumuman Bulanan mesti dibuat pada hari pasaran pertama setiap bulan bermula dengan bulan selepas tarikh Pengumuman Pertama.

### 5.0 Obligasi untuk Menjadikan Teratur

#### 5.1 Sekiranya Penerbit PN17 melaksanakan pelan regularisasi yang akan menghasilkan perubahan yang signifikan pada haluan perniagaan atau dasar Penerbit PN17, ia mesti -

- (a) mengemukakan pelan itu kepada SC untuk kelulusan, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama; dan
- (b) menyelesaikan pelaksanaan pelan itu dalam jangka masa yang ditetapkan oleh SC.

#### 5.2 Sekiranya Penerbit PN17 melaksanakan pelan regularisasi yang tidak akan menghasilkan perubahan yang signifikan pada haluan perniagaan dan dasar Penerbit PN17, ia mesti -

- (a) mengemukakan kepada Bursa pelan itu dan mendapatkan kelulusan Bursa untuk melaksanakan pelan itu dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama;

- 
- (b) menyelesaikan pelaksanaan pelan itu dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pelan itu diluluskan oleh Bursa. Walau bagaimanapun, bagi kes yang melibatkan prosiding mahkamah, Penerbit PN17 mempunyai masa hingga 12 bulan dari tarikh pelan itu diluluskan oleh Bursa, untuk menyelesaikan pelaksanaan pelan itu; dan
  - (c) mencatatkan keuntungan bersih dalam 2 hasil suku tahunan berturut-turut dengan serta-merta selepas pelaksanaan pelan itu selesai. Dalam hal ini, Penerbit PN17 mesti memastikan bahawa hasil suku tahunan yang berkenaan adalah tertakluk kepada kajian semula terhad oleh juruaudit luar sebelum diumumkan kepada Bursa.
- 5.3 Berhubung dengan Amanah Perniagaan PN17, sekiranya Amanah Perniagaan PN17 melaksanakan pelan regularisasi yang tidak akan menghasilkan perubahan yang signifikan pada haluan perniagaan dan dasar Amanah Perniagaan PN17, ia mesti -
- (a) mematuhi kehendak dalam perenggan 5.2(a) dan (b) di atas; dan
  - (b) mencatatkan sama ada keuntungan bersih atau aliran tunai operasi positif dalam 2 hasil suku tahun berturut-turut dengan serta-merta selepas pelaksanaan pelan itu selesai. Dalam hal ini, Amanah Perniagaan PN17 mesti memastikan bahawa hasil suku tahun yang berkenaan adalah tertakluk kepada kajian semula terhad oleh juruaudit luar sebelum diumumkan kepada Bursa.
- 5.4 Menurut perenggan 5.2 di atas, Penerbit PN17 dan Penasihat Utamanya mesti memastikan bahawa pelan regularisasi yang tidak akan menghasilkan perubahan yang signifikan pada haluan perniagaan dan dasar Penerbit PN17 -
- (a) cukup komprehensif dan mampu menyelesaikan semua masalah, kewangan atau selainnya yang telah menyebabkan Penerbit PN17 mencetuskan Kriteria Ditetapkan;
  - (b) membolehkan Penerbit PN17 untuk menjadikan teratur keadaan kewangannya supaya Penerbit PN17 tidak lagi mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan; dan
  - (c) adil dan munasabah kepada Penerbit PN17 dan pemegang sekuritinya dan akan meningkatkan nilai bagi pemegang sekuritinya.
- 5.5 Dalam mematuhi kehendak di bawah perenggan 5.4 di atas, Penerbit PN17 dan Penasihat Utamanya mesti menunjukkan dengan memuaskan hati Bursa, yang berikut:
- (a) pelan regularisasi itu dapat mengukuhkan kedudukan kewangan Penerbit PN17 termasuk ekuiti pemegang sekuritinya, pengedaran, kedudukan aset bersih, kedudukan aliran tunai, dan menangani kedudukan kerugian terkumpulnya;
  - (b) langkah yang diambil atau dicadangkan untuk diambil adalah komprehensif dan mampu menangani isu yang menyebabkan Penerbit PN17 mencetuskan Kriteria Ditetapkan, supaya Penerbit PN17 akan -
    - (i) tidak lagi mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan apabila pelaksanaan pelan regularisasi; dan
    - (ii) tidak mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan dalam masa terdekat;
  - (c) aktiviti perniagaan teras Penerbit PN17 pasca pelaksanaan pelan regularisasi adalah berdaya maju, mapan dan mempunyai prospek pertumbuhan yang mewajarkan perdagangan atau penyenaian berterusan dalam Senarai Rasmi. Dalam hal ini, Penerbit PN17 mesti memberikan maklumat yang mencukupi untuk menyokong pelan regularisasinya, termasuk -

- 
- (i) pelan perniagaan yang terperinci mengenai aktiviti perniagaan terasnya;
  - (ii) keberuntungan perniagaan teras. Secara amnya, margin keuntungan yang rendah atau perniagaan yang mengalami kerugian akan menimbulkan kebimbangan mengenai daya maju perniagaan teras. Dalam hal Amanah Perniagaan PN17, kemampuan untuk menjana keuntungan atau aliran tunai operasi positif daripada perniagaan teras;
  - (iii) kecukupan sumber dan kekuatan serta kepakaran pengurusan utama, untuk mencapai pelan perniagaannya dan tahap operasi yang diharapkan;
  - (iv) prospek industri;
  - (v) kelebihan daya saing; dan
  - (vi) kedudukan pasaran; dan
- (d) kemampuan Penerbit PN17 untuk dengan serta-merta menjana keuntungan bersih atau aliran tunai operasi positif (dalam hal Amanah Perniagaan PN17) dalam 2 hasil suku tahunan berturut-turut dengan serta-merta selepas pelaksanaan pelan regularisasi selesai.
- 5.6 Penerbit PN17 dan Penasihat Utamanya mesti mengkaji semula risiko pengurusan dan sistem kawalan dalaman Penerbit PN17, dan mengemukakan kepada Bursa hasil kajian semula itu berserta dengan pelan tindakannya untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti.
- 5.7 Penerbit PN17 mesti memastikan bahawa pengemukaan kepada Bursa di bawah perenggan 5.2(a) dan 5.3(a) di atas disertakan dengan yang berikut:
- (a) surat iringan yang ditandatangani oleh 2 penandatangan Penasihat Utama yang diberi kuasa, yang mengandungi perincian tentang cadangan, apa-apa kelulusan, pelepasan atau pengetepian yang dimohon, dan apa-apa maklumat lain yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa;
  - (b) draf surat pekeliling kepada pemegang sekuriti yang mengandungi maklumat yang berkenaan yang ditetapkan dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian, seperti Lampiran 6B atau Lampiran 10B, jika berkenaan, dan maklumat tambahan yang dinyatakan dalam Lampiran PN17-A;
  - (c) permohonan penyenaraian berserta dengan dokumen pengemukaan yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Bab 6 Kehendak-Kehendak Penyenaraian; dan
  - (d) apa-apa dokumen sokongan lain, termasuk laporan pakar, jika berkenaan.

**Kandungan tambahan surat pekeliling bagi pelan regularisasi yang dilaksanakan oleh Penerbit PN17****LAMPIRAN PN17-A****Kandungan tambahan surat pekeliling bagi pelan regularisasi yang dilaksanakan oleh Penerbit PN17**

(perenggan 5.7(b))

- (1) Maklumat sejarah kewangan Penerbit PN17 bagi 5 tahun terakhir atau sejak disenaraikan, mengikut mana-mana yang lebih kemudian, berdasarkan penyata kewangan teraudit atau tidak teraudit. Ini termasuk:
  - (a) perolehan;
  - (b) untung/rugi kasar;
  - (c) untung/rugi bersih;
  - (d) dana pemegang syer atau dana pemegang unit, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (e) pinjaman; dan
  - (f) nisbah utama seperti margin keuntungan kasar dan penggearing.
- (2) Ulasan tentang prestasi Penerbit PN17 bagi 5 tahun terakhir atau sejak penyenaian, mengikut mana-mana yang lebih kemudian. Ulasan itu hendaklah termasuk suatu analisis dan perbincangan mengenai faktor yang signifikan dan spesifik yang menyumbang kepada prestasi luar biasa dalam mana-mana tahun kewangan yang dikaji semula dan perubahan yang signifikan dalam prestasi kewangan mengikut tahun ke tahun, sama ada baik atau buruk.
- (3) Perihal tentang pelan perniagaan termasuk maklumat mengenai daya maju dan keberuntungan perniagaan dan kecukupan sumber untuk mencapai pelan dan tahap operasi yang diharapkan.
- (4) Analisis pasca pelaksanaan perniagaan pelan regularisasi perniagaan termasuk -
  - (a) sifat dan persekitaran operasi perniagaan Penerbit PN17 seperti pengenalan aset atau perniagaan baharu, produk baharu, pasaran baharu atau kontrak baharu, untuk menangani isu operasi yang dihadapi oleh Penerbit PN17;
  - (b) gambaran keseluruhan industri dan perihalan mengenai prospek pertumbuhan perniagaan Penerbit PN17 berdasarkan gambaran industri; dan
  - (c) faktor risiko yang mempengaruhi Penerbit PN17 dan perniagaannya, berserta dengan faktor pengurangan.
- (5) Sebab atau isu yang menyebabkan Penerbit PN17 mencetuskan mana-mana Kriteria Ditetapkan, langkah yang diambil atau akan diambil (sama ada jangka masa pendek atau jangka masa panjang) untuk menangani sebab atau isu itu.
- (6) Jika cadangan itu termasuk suntikan aset atau perniagaan baharu, maklumat yang berikut jika berkenaan:
  - (a) berhubung dengan aset atau perniagaan baharu -

- 
- (i) nama, kelayakan dan pengalaman pengarah, ketua eksekutif dan pengurusan utama; dan
  - (ii) perincian pemegang sekuriti yang substansial; dan
  - (b) berhubung dengan Penerbit PN17 -
    - (i) nama, kelayakan dan pengalaman pengarah baharu yang dicadangkan untuk menganggotai lembaga; dan
    - (ii) perincian pemegang sekuriti substansial baharu yang dicadangkan.
  - (7) Ulasan oleh lembaga pengarah Penerbit PN17 mengenai sama ada Penerbit PN17 boleh mencatatkan keuntungan bersih atau aliran tunai operasi positif (dalam hal Amanah Perniagaan PN17) dalam 2 hasil suku tahunan berturut-turut dengan serta-merta selepas pelaksanaan pelan itu selesai.
  - (8) Pernyataan oleh pengarah mengenai sama ada, pada pendapat mereka, modal kerja yang tersedia untuk Penerbit PN17 akan mencukupi untuk tempoh 12 bulan dari tarikh surat pekeliling. Sekiranya tidak, bagaimana modal kerja tambahan yang dianggap perlu akan diperolehi.
  - (9) Anggaran, ramalan atau unjuran kewangan, dan polisi perakaunan sandaran dan andaian berserta dengan salinan surat akauntan pelapor, jika maklumat itu diberikan kepada Bursa dalam pengemukaan.
  - (10) Hasil kajian semula risiko pengurusan dan kawalan dalaman berserta dengan pelan tindakan untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti.

[Lampiran Tamat]